

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	21 AUGUST 2016

Najib minta beri kepercayaan selesai kemelut parti

UM - 21/8/2016

KUALA TERENGGANU 20 Ogos - Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak meminta semua pihak memberi kepercayaan kepadanya dalam usaha menyelesaikan kemelut yang berbangkit dalam kepeimpinan UMNO di negeri ini.

Sambil mengharapkan pergeseran berhubung soal itu ditamatkan agar tidak berterusan menimbulkan suasana tidak menyenangkan dan hilang fokus, Najib menjelaskan, kini beliau sedang mendapatkan gambaran terbaik berhubung keadaan itu.

"Serahkan perkara ini kepada Presiden parti. Saya sedang dalam proses berbincang dari hati ke hati dengan setiap Ahli Dewan Undangan Negeri. Saya ingin mendapatkan gambaran terbaik.

"Saya tak ada niat lain, niat saya untuk pastikan apa juga keputusannya nanti, UMNO dan Barisan Nasional (BN) Terengganu jadi lebih kukuh dan kuat," katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Kuala Terengganu di Stadium Negeri di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Besar



Saya tak ada niat lain, niat saya untuk pastikan apa juga keputusannya nanti, UMNO dan Barisan Nasional (BN) Terengganu jadi lebih kukuh dan kuat."

NAJIB TUN RAZAK
Presiden UMNO

yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Ahmad Razif Abdul Rahman dan ketua-ketua dan timbalan ketua UMNO bahagian.

Menurut Najib, politik Terengganu agak unik, bersifat sebagai *swing state* yang mudah berubah sokongan setiap kali pilihan raya dan sekiranya UMNO dan BN mahu terus memastikan kemenangan, beliau mengingatkan mereka tidak harus berbalah lagi.

"Walaupun ribut dalam cawan, jika tidak benar-benar padu dan tidak berpegang kepada ikatan, maka kebimbangan itu tidak musnah berulang.

"Saya nak cakap terus-terang

kepada UMNO Terengganu. Biarlah kita sedar dulu, kalau kita sedar (dulu) ada pendapatannya, kalau sedar kemudian sudah terlambat.

"Saya masih ingat lagi betapa suhunya Terengganu apabila kalah kepada pembangkang suatu ketika dulu. Saya tengok orang Terengganu pun sedih, nak buat majlis pun susah, tetapi alhamdulillah kita boleh pulih. Kalau kita nak menang, bersatulah di bawah panji UMNO," katanya.

Beliau seterusnya memberi satu ramuan iaitu mana-mana pertubuhan mesti hanya mempunyai satu nakhoda atau satu kapten bagi memastikan sesebuah bahtera selamat dengan sentiasa saling bekerjasama dengan anak-anak buahnya sebagai satu pasukan.

"Sama ada di peringkat bahagian, negeri atau Pusat, ia hanya perlu ada satu nakhoda saja dan nakhoda ini adalah seorang yang perlu kita beri sokongan, kerjasama dan taat kepadanya agar organisasi kita kuat.

"Nakhoda juga perlu mengambil kira dan mendengar suara anak buahnya, perlu ada semangat kerja berpasukan agar bahtera parti berjalan dengan lebih lancar," ujarnya.